

09 APR 2001

MAHATHIR-MAS

PENERBANGAN MALAYSIA AKAN CARI RAKAN KONGSI STRATEGIK ASING

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Penerbangan Malaysia (MAS) akan mencari rakan kongsi strategik asing untuk mengukuhkan prestasinya.

Bagaimanapun, beliau berkata tiada tarikh akhir khusus ditetapkan bagi pembentukan kerjasama strategik itu.

Penerbangan Malaysia ketika ini sedang mengadakan rundingan dengan beberapa syarikat penerbangan asing.

"Kami mengadakan rundingan dengan banyak syarikat penerbangan ketika ini. Saya yakin kami akan berjaya mendapatkan rakan kongsi strategik," katanya kepada pemberita selepas perasmian persidangan tahunan (Persatuan Pelancongan Asia Pasifik) PATA ke-50, di sini, hari ini.

Apabila ditanya berhubung tindakan yang diambil oleh beberapa syarikat penerbangan untuk menghentikan penerbangan mereka ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Perdana Menteri berkata meskipun syarikat penerbangan menghentikan penerbangan ke Kuala Lumpur, jumlah penumpang yang datang telah meningkat.

"Mereka menghadapi masalah mereka sendiri dan kita menghormati keputusan itu. Terdapat tiga lapangan terbang utama yang bersaing di sini, Bangkok, Singapura dan Kuala Lumpur. Oleh itu, sesetengah daripada mereka memilih untuk ke Singapura dan kemudiannya menggunakan perkhidmatan lapangan terbang di sana ke KL.

"Apa yang kita mahu adalah mereka datang ke KL dan kemudiannya menggunakan perkhidmatan kita ke Singapura, tetapi bagaimanapun, kita masih belum ketinggalan dan akan berusaha keras untuk memperkenalkan KLIA," kata Dr Mahathir.

Qantas, Ansett Australia dan Lufthansa menghentikan penerbangan ke KLIA sejak 1999, manakala British Airways, Aeroflot dan All Nippon Airways akan mengambil tindakan yang sama pada bulan ini.

Meskipun tindakan itu, tidak berlaku sebarang penurunan dalam jumlah ketibaan penumpang ke KLIA.

Dilaporkan bahawa ketibaan penumpang meningkat 5.2 peratus kepada 13.2 juta pada 1999, dan meningkat terus sebanyak 11.8 peratus kepada 14.7 juta pada 2000. Purata pertumbuhan dalam trafik penumpang itu dijangka meningkat pada paras tujuh peratus dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus menjalankan kempen memperkenalkan KLIA.

"Kami akan menemui syarikat-syarikat penerbangan dan menanyakan keperluan-keperluan mereka. Mereka boleh menyenaraikan kehendak mereka dan kita akan berusaha memenuhinya," katanya.

Sejak krisis kewangan serantau 1997, Penerbangan Malaysia telah mencatatkan kerugian.

Syarikat pengangkutan kebangsaan itu mengalami kerugian belum diaudit RM451.6 juta bagi suku kewangan ketiga yang berakhir pada 31 Dis 2000 berbanding RM225.9 juta dalam suku yang sama tahun sebelumnya.

Bagi tempoh terkumpul yang berakhir pada 31 Dis 2000, MAS mencatatkan kerugian belum diaudit berjumlah RM843 juta berbanding keuntungan RM61 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada 1999.

Dalam tempoh semakan, syarikat penerbangan itu mencatatkan perolehan tinggi RM2.301 bilion berbanding RM2.132 bilion dalam tempoh yang sama sebelumnya manakala bagi tempoh terkumpul, ia mencatatkan perolehan RM6.875 bilion berbanding RM5.942 bilion dalam tempoh yang sama pada 1999. --

BERNAMA

MKO/LES FR ZK